

05 MAR 1997

Mohamed-MSK

KEMENTERIAN PENERANGAN HANYA AWASI BAHAN SIARAN MSK

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat hari ini menjelaskan kementerian itu hanya akan mengawasi, bukannya menapis, maklumat dan bahan-bahan yang disiarkan melalui Koridor Raya Multimedia (MSK) yang diwujudkan.

Ketika membuat penjelasan itu, beliau berkata beliau tidak pernah menyatakan kementerian berkenaan akan menapis bahan siaran di dalam MSK seperti yang dilaporkan akhbar baru-baru ini.

"Saya tidak sebut kementerian ini diberi tanggungjawab menapis bahan-bahan yang disalurkan kepada MSK dan berharap penjelasan ini dapat meredakan kekeliruan yang timbul di samping meredakan kebimbangan kepada mereka yang akan melabur di dalam MSK," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang bekerja kuat untuk menerangkan projek MSK ini yang mendapat sambutan besar daripada pelabur luar negara...kita mahu pelabur luar melabur dalam MSK...oleh itu saya nak yakinkan kepada mereka tentang adanya "free flow of information," katanya.

Mohamed yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) sebelum itu mempengerusikan mesyuarat dengan wakil-wakil Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Multimedia Development Corporation dan wakil BN dari seluruh negeri mengenai taklimat yang akan disampaikan oleh Dr Mahathir tentang gejala sosial dan apa itu MSK, pada 11 Mac di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Ketika menjawab soalan pemberita mengenai perkembangan teknologi maklumat yang tentunya akan mendedahkan masyarakat kepada bahan-bahan yang tidak sesuai seperti keganasan, seram dan seks, beliau berkata undang-undang baru mengenai perkara itu akan digubal.

"Dalam menghadapi dunia siber, undang-undang yang ada tidak memadai dengan perkembangan teknologi maklumat, oleh itu perlu digubal undang-undang siber," katanya.

Mengenai taklimat yang akan disampaikan oleh Dr Mahathir itu, beliau berkata untuk permulaan taklimat itu akan disampaikan kepada empat kumpulan terdiri daripada anggota dewan tertinggi komponen BN, anggota Dewan Negara dan Dewan Rakyat serta anggota Dewan Undangan Negeri BN.

"Kita merasakan perlunya ada taklimat seperti itu bagi memberi kefahaman tentang apa itu MSK kepada wakil-wakil rakyat yang kemudiannya akan menyalurkan maklumat yang diterima itu kepada rakyat jelata," katanya.

-- BERNAMA

NZ NMO